

Kursi Tun Dr Ismail diwujudkan di UKM - PM Anwar

Ogos 2, 2023 @ 6:06pm



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan pada Majlis Memperingati Negarawan Tun Dr Ismail Al-Haj di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Kerajaan Perpaduan bersetuju untuk mewujudkan Kursi Tun Dr Ismail di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai menghargai legasi kepimpinan dan cetusan pemikiran Allahyarham yang bertunjangan perpaduan dan integrasi kaum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataan hari ini berkata usaha serta pengiktirafan itu adalah bagi memberi ruang kepada generasi muda dan penerus untuk menyemangati sumbangan pahlawan bangsa dan negarawan ulung Dr Ismail khususnya dalam aspek perpaduan dan penyatuan kaum.

"Semoga lebih banyak penyelidikan dapat diwacanakan dalam pelbagai bidang sosioekonomi, pentadbiran dan kenegaraan dengan adanya kursi ini," kata beliau.

Kerajaan hari ini menganjurkan Majlis Memperingati Negarawan Tun Dr Ismail Al-Haj: Tonggak Perpaduan Negara sempena sambutan Bulan Kebangsaan di Dataran Merdeka.

Majlis yang dihadiri lebih 10,000 pengunjung itu bertujuan mendidik generasi muda mengenai sumbangan Dr Ismail dalam membangunkan negara ini. – BERNAMA